

NO. SOALAN : 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]

TARIKH : 18 November 2015

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa peratuskah masyarakat khususnya di bandar yang masih menggunakan khidmat pengangkutan awam setakat ini. Apakah perancangan jangka panjang Kementerian dalam meningkatkan penggunaan pengangkutan awam.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratus penggunaan pengangkutan awam di Kuala Lumpur pada tahun 2014 adalah sebanyak 18.1%, membabitkan seramai 159 juta penumpang. Pada tahun 2015, jumlah penumpang dari bulan Januari hingga Julai 2015 adalah seramai 90 juta penumpang.

2. Kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah menggariskan beberapa inisiatif utama yang merangkumi polisi dan perancangan di bawah Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara (RIPAD). Objektif rancangan induk tersebut adalah untuk meningkatkan kecekapan, kebolehpercayaan, kesalinghubungan, keselamatan dan keselesaan pengangkutan awam darat.

3. Rancangan jangka panjang ini membabitkan pembangunan infrastruktur dan sistem pengangkutan awam, seperti:

- (i) Projek *Mass Rapid Transit* (MRT) yang mempunyai 3 laluan berjumlah 145 kilometer;
- (ii) Projek *Bus Rapid Transit* (BRT) yang akan melibatkan 13 koridor di kawasan *Greater Klang Valley*;

- (iii) Projek penyambungan (*extension*) laluan *Light Rail Transit* (LRT) bagi *Kelana Jaya Line* dan *Ampang Line*;
- (iv) Projek Transformasi Bas Henti-Henti; dan
- (v) Pelaksanaan Sistem Tiket Bersepadu pengangkutan awam.

4. Pembangunan infrastruktur dan perancangan tersebut akan menjadikan sistem pengangkutan awam akan lebih cekap dengan sistem penjadualan yang lebih teratur dan dipantau. Ia akan membolehkan pengguna akan mempunyai pilihan untuk menggunakan pengangkutan awam mengikut keselesaan dan dapat merancang perjalanan mereka dengan lebih awal.

Sekian, terima kasih.